



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN AKHBAR KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI TEROKA PELUANG KERJASAMA BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN UNTUK TINGKATKAN TAHAP PENERIMAGUNAAN TEKNOLOGI

Cyberjaya, 22 Feb - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan satu sesi perkongsian teknologi kepada delegasi pihak berkuasa tempatan (PBT) Perak yang diketuai oleh Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Sandra Ng Shy Ching, di MIGHT Cyberjaya.

Dalam sesi tersebut, beberapa syarikat teknologi tempatan di bawah ekosistem MOSTI telah dipilih untuk berkongsi mengenai teknologi dan inovasi mereka bagi menyelesaikan permasalahan setempat yang dihadapi di peringkat Negeri seperti isu pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan PBT yang sering berlaku di beberapa tempat.

Di samping menawarkan teknologi tempatan bagi menangani cabaran setempat, usaha ini juga membuka peluang kepada syarikat teknologi dan inovasi tempatan untuk mempromosikan dan mengkomersialkan perkhidmatan mereka di peringkat agensi kerajaan.

Inisiatif ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam menaik taraf tahap penyampaian perkhidmatan awam bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Justeru, MOSTI yakin usaha berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi (*technology adoption*) di peringkat PBT supaya kualiti penyampaian sentiasa di tahap terbaik dari semasa ke semasa.

Sesi perkongsian pada hari ini merupakan satu langkah permulaan dalam usaha menjalin kerjasama yang lebih erat dengan pihak PBT. MOSTI seterusnya akan menjemput PBT dari negeri-negeri lain dari seluruh negara untuk turut terlibat dalam sesi perkongsian teknologi ini.

MOSTI mensasarkan sebanyak 20 teknologi tempatan dapat dikomersialkan dan digunapakai di peringkat PBT menjelang tahun 2025, seterusnya menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik demi kesejahteraan rakyat.

Sekian.

Disediakan oleh:

YB TUAN CHANG LIH KANG
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
22 FEBRUARI 2024